



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***UNSUR ALAM DALAM KUMPULAN CERPEN PILIHAN  
SITI ZAINON ISMAIL***

**KASMAIZUN ENUNI BINTI MOHD SARJI**

**FBMK 2018 38**



**UNSUR ALAM DALAM KUMPULAN CERPEN PILIHAN  
SITI ZAINON ISMAIL**

Oleh

**KASMAIZUN ENUNI BINTI MOHD SARJI**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Mac 2018**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

**ALLAH yang MAHA PENYAYANG**  
Pada-Mu ku panjatkan syukur

Ayahanda dan Bonda  
**ALLAHYARHAM MOHD SARJI BIN JUSOH dan WAN KHASHIAH BINTI  
WAN ISMAIL**

Setiap saat kutitipkan doa tanpa jemu  
Ayahanda dan Bonda Mertua  
**MAT ZAIN BIN JUNOH dan HAMIDAH BINTI MOHD NOOR**  
Keprihatinanmu ku sanjungi

Suamiku  
**MOHAMAD AMIN**  
Kesabaran, kasih sayang, pengorbanan dan keikhlasan akan berkekalan ke akhir hayat

Puteriku  
**AYSARA HANISA**  
Moga kejayaan ini menjadi inspirasi buatmu

Adik-beradikku:  
**MOHD KASWADI dan ISTERI, KASMIZAN NOR dan SUAMI, MOHD  
KASMIZI dan ISTERI, MOHD KASMANIZAL, MOHD KASWARIZUAN dan  
ISTERI serta MOHD KASRUL AMRI**  
Sokongan dan nasihat kalian ku genggam erat

Guru-guru yang menabur bakti:  
**SK GAAL  
SMK GAAL  
SMK TOK JANGGUT  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**  
Ilmu yang kau curah membuahakan hasil

**Teman-temanku**  
Sentiasa dalam ingatan

**TERIMA KASIH**  
Hanya **ALLAH SWT** yang mampu membalas segala **BUDI** dan **JASA** kalian

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**UNSUR ALAM DALAM KUMPULAN CERPEN PILIHAN  
SITI ZAINON ISMAIL**

Oleh

**KASMAIZUN ENUNI BINTI MOHD SARJI**

**Mac 2018**

**Pengerusi : Kamariah binti Kamarudin, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Alam memberi banyak kegunaan dan fungsinya kepada manusia di muka bumi. Bagi diri pengarang, alam ditafsirkan berdasarkan kreativiti tersendiri untuk menyampaikan makna yang dapat memberikan panduan dan pengajaran kepada manusia. Justeru, kajian ini menganalisis kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail untuk melihat unsur alam yang terdapat di dalamnya. Tumpuan diberikan kepada unsur alam flora, fauna, air, tanah dan cakerawala. Kajian ini berfokus kepada tiga kumpulan cerpen iaitu kumpulan cerpen *Jurai Palma* (2001), *Piazza Di Spagna* (2005) dan *Rindu Pala Muda* (2006). Tiga objektif kajian adalah pertama, mengenalpasti unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail. Kedua, menganalisis makna unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail. Ketiga, merumuskan kepengaruhannya berdasarkan pengungkapan unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail. Teori yang digunakan untuk melengkapkan kajian ini ialah teori Konseptual Kata Kunci manakala kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini telah mencapai objektifnya dengan penemuan unsur alam flora, fauna, air, tanah dan cakerawala. Alam flora yang ditemui ialah sebanyak lapan unsur iaitu pohon, daun, duri, pucuk, akar, benih, buah dan bunga manakala alam fauna yang ditemui pula ialah sebanyak lapan unsur iaitu burung, ikan, angsa, kupu-kupu/ramarاما, labah-labah, sapi, unta dan kuda. Seterusnya, alam air pula telah menemui empat unsur iaitu laut, sungai, ombak dan hujan manakala alam tanah pula ditemui sebanyak tiga unsur iaitu, pulau, bukit dan gunung. Terakhir ialah alam cakerawala telah menemui tiga unsur iaitu bintang, bulan dan matahari. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan teori Konseptual Kata Kunci yang diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan untuk melihat konsepsi pengarang terhadap alam yang telah dijelaskan menerusi pemilihan kata kunci. Selain itu, dapatan kajian turut menemui konsepsi pengarang terhadap alam yang dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya latar belakang keluarga, latar belakang pendidikan, latar belakang pekerjaan, hobi, pengalaman dan pengembaraan. Justeru, Siti Zainon Ismail berupaya meletakkan unsur-unsur alam sebagai renungan kepada kehidupan manusia.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**ELEMENTS OF NATURE IN SELECTED SHORT STORIES BY SITI ZAINON ISMAIL**

By

**KASMAIZUN ENUNI BINTI MOHD SARJI**

**March 2018**

**Chair : Kamariah binti Kamaruddin, PhD**  
**Faculty : Modern Language and Communication**

Nature gives a multitude of uses and functions to the human beings on earth. For self-author, nature can be interpreted based on its own individuality to convey the meaning that can be as guidance and lesson to the humans. Thus, this study analyzes the elements of nature in the short stories written by Siti Zainon Ismail. Emphasis was given to the elements of flora, fauna, water, earth and celestial bodies. This study focused on three collections of short stories which were *Jurai Palma* (2001), *Piazza Di Spagna* (2005) and *Rindu Pala Muda* (2006). The three objectives of the study were first, to identify the elements of nature in the short story collection by Siti Zainon Ismail. Secondly, to analyse the meaning of natural elements in the Siti Zainon Ismail's short story collections. Thirdly, to summarize the factors that affect the expression of natural elements in the Siti Zainon Ismail's short story collections. The theory used in this research was Conceptual Keyword theory while the research methods used are bibliography method and textual analysis. This study has successfully achieved these three objectives by the discovery of elements of flora, fauna, water, earth and celestial bodies. There were eight floral elements found in the short stories which were tree, leaves, thorns, shoots, roots, seeds, fruits and flowers while for the fauna elements, the study identified eight elements, which were the bird, fish, swan, butterfly / moth, spider, bull, camel and horse. Next, for the water element, four elements were discovered namely the sea, river, wave and rain whereas for the earth, there are three elements which were, island, hill and mountain. Lastly, for the celestial element, three elements were discovered namely star, moon and sun. In addition, this study also uses Conceptual Keyword Theory by Mohamad Mokhtar Hassan to see how the author looks at through the selected keywords. It was found that author's perspective of nature was influenced by several factors including family, education, work, hobby, experience and adventure. Thus, Siti Zainon Ismail has successfully included the elements of nature as a reflection of human life.

## PENGHARGAAN

### **Bismillahirrahmannirrahim Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani**

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang yang menguasai hari pembalasan. Selawat dan Salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Penulis memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya, penulisan tesis doktor falsafah ini dapat disempurnakan. Sepanjang tempoh menyiapkan penulisan tesis ini, penulis telah mendapat bantuan dan sokongan daripada pensyarah, keluarga, sahabat dan rakan seperjuangan yang telah mencetuskan banyak ilham dan sokongan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis iaitu Prof. Madya Dr. Kamariah binti Kamarudin, Prof. Madya Dr. Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, Dr. Pabiyah Hajimaming@Pabiyah Toklubok dan Dr. Roslina binti Abu Bakar yang sentiasa memberi tunjuk ajar, bimbingan, panduan dan nasihat yang sangat berguna hingga tesis ini dapat disempurnakan. Ucapan terima kasih khas buat tenaga pengajar Pn. Rahimah binti Hamdan, Prof. Madya Dr. Mohd Zariat bin Abdul Rani dan Dr. Samsina binti Abdul Rahman yang mencurahkan ilmu yang berguna semasa proses pembelajaran dijalankan. Terima kasih juga ditujukan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia atas kepercayaan dan tajaan pengajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada tokoh sastera Dr. Siti Zainon binti Ismail dan penjana teori Prof. Dr. Mohamad Mokhtar Hassan yang sudi meluangkan masa berkongsi pengalaman, ilmu dan bahan kajian. Tidak lupa kepada guru-guru, rakan-rakan akademik serta pegawai dan staf Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang banyak membantu dari aspek sokongan dan bantuan bagi menyiapkan tesis ini.

Akhirnya, sanjungan dan penghargaan istimewa untuk suami tersayang En. Mohamad Amin bin Mat Zain dan anakku Aysara Hanisa atas kesetiaan, ketabahan, pengorbanan dan kasih sayang yang tiada hentinya. Jadikan kejayaan ini satu inspirasi di masa hadapan dan terus melakar kejayaan demi kejayaan. Dedikasi khas lagi terindah jua untuk ayahanda Allahyarham Mohd Sarji bin Jusoh dan bonda Wan Khashiah binti Wan Ismail kerana keberkatan doamu, memakbulkan impian dan kejayaan ini.

Wassalam

Kasmaizun Enuni Binti Mohd Sarji  
Kampung Gaal Tengah, Pasir Puteh, Kelantan.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 8 Mac 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Kasmaizun Enuni binti Mohd Sarji bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Unsur Alam dalam Kumpulan Cerpen Pilihan Siti Zainon Ismail” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Mohd Zariat bin Abdul Rani, PhD**


Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Arba'ie bin Sujud, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Asmiaty binti Amat, PhD**

Profesor Madya  
Universiti Malaysia Sabah  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



**RUSLI HAJI ABDULLAH, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 30 Julai 2018



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Kamariah binti Kamarudin, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Pabiyah binti Hajimaming@Pabiyah Tok Lubok, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Roslina binti Abu Bakar, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Kasmaizun Enuni binti Mohd Sarji (GS37651)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan *Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013)* telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan : Kamariah binti Kamarudin

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan : Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan : Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Tok Lubok

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan : Roslina binti Abu Bakar

## SENARAI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	x
<b>SENARAI GAMBAR RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Batasan kajian	9
1.7 Kaedah Kajian	11
1.8 Penerapan Teori	12
1.9 Definisi Konsep	13
1.9.1 Alam	13
1.9.2 Operasional	14
1.10 Kesimpulan	16
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pendahuluan	17
2.2 Kajian Lepas tentang Alam	17
2.3 Kajian Lepas tentang Siti Zainon Ismail	21
2.4 Kajian Lepas tentang Teori Konseptual Kata Kunci	25
2.5 Kajian Lepas tentang Pengalaman Siti Zainon Ismail	31
2.6 Kesimpulan	35
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pendahuluan	36
3.2 Justifikasi Pemilihan Teori	36
3.3 Kerangka teori	37
3.3.1 Definisi Konseptual	37
3.3.2 Definisi Kata Kunci	38
3.3.3 Prinsip Teori Konseptual Kata Kunci	40
3.4 Kerangka Kajian	45

<b>4</b>	<b>ANALISIS KAJIAN</b>	
4.1	Pendahuluan	46
4.2	Alam	46
4.2.1	Flora	49
4.2.1.1	Pohon atau pokok	50
4.2.1.2	Daun	59
4.2.1.3	Duri	68
4.2.1.4	Pucuk	70
4.2.1.5	Akar	71
4.2.1.6	Benih	75
4.2.1.7	Buah/ buah-buahan	78
4.2.1.8	Bunga	90
4.2.2	Fauna	108
4.2.2.1	Burung	109
4.2.2.2	Ikan	121
4.2.2.3	Angsa	126
4.2.2.4	Kupu-kupu/ rama-rama/ rerama	129
4.2.2.5	Labah-labah	133
4.2.2.6	Sapi, unta dan kuda	135
4.2.3	Tanah	141
4.2.3.1	Pulau	141
4.2.3.2	Bukit	144
4.2.3.3	Gunung	147
4.2.4	Air	149
4.2.4.1	Laut	149
4.2.4.2	Ombak	155
4.2.4.3	Sungai	157
4.2.4.4	Hujan	161
4.2.5	Cakerawala	164
4.2.5.1	Bintang	165
4.2.5.2	Bulan	168
4.2.5.3	Matahari	172
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
5.1	Kesimpulan dan Rumusan	176
5.2	Cadangan	178
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	179
	<b>LAMPIRAN</b>	186
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	232
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	233

## SENARAI SINGKATAN

ASRI	Akademi Seni Rupa Indonesia
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
M.A.H.A	Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia
SAW	Sallallahu Alayhi Wasallam
SWT	Subhanu Wa Taala



## SENARAI GAMBAR RAJAH

<b>Gambar Rajah</b>	<b>Halaman</b>
1 Kategori Unsur Alam	14
2 Kerangka Kajian	45
3 Unsur Alam	48



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Kata Kunci Pohon Lambang Ketabahan Wanita	51
2	Kata Kunci Pohon Sebagai Sahabat	53
3	Kata Kunci Pohon Sebagai Sumber Terapi	54
4	Kata Kunci Pohon Sebagai Lambang Kasih Sayang	56
5	Kata Kunci Pohon Sebagai Lambang Kehidupan Manusia	57
6	Kata Kunci Pohon Sebagai Lambang Terus Berusaha dan Tidak Berputus Asa	58
7	Kata Kunci Daun Sebagai Lambang Kelemahan Hati Wanita	60
8	Daun Sebagai Lambang Hayat Manusia	61
9(a)	Kata Kunci Daun Sebagai Usaha Bersungguh-Sungguh	63
9(b)	Kata Kunci Daun Sebagai Usaha Bersungguh-Sungguh	64
10	Kata Kunci Daun Sebagai Perlindungan Kepada Hubungan Manusia dan Alam	65
11	Kata Kunci Daun Sebagai Lambang Halangan/ Cabaran	66
12	Kata Kunci Daun Sebagai Perlindungan	68
13	Kata Kunci Duri Sebagai Lambang Kekejaman	69
14	Kata Kunci Pucuk Rebung Sebagai Permulaan dalam Kehidupan	71
15	Kata Kunci Akar Lambang Jati Diri yang Kuat	73
16	Kata Kunci Akar Sebagai Khazanah Alam	74
17	Kata Kunci Benih Sebagai Lambang Asal-Usul	76
18	Kata Kunci Benih Lambang Permulaan Kehidupan Manusia	78
19	Kata Kunci Buah Sebagai Lambang Kasih Sayang Berterusan	80
20	Kata Kunci Buah Sebagai Lambang Pengorbanan	81
21	Kata Kunci Buah Manggis Lambang Liku-Liku Kehidupan	83



22	Kata Kunci Buah Lambang Keberanian dan Kekuatan Gadis	85
23	Kata Kunci Buah Limau Lambang Wanita Yang Baik	86
24	Kata Kunci Buah Limau Lambang Kehilangan Warisan Melayu	88
25	Kata Kunci Buah Petai dan Jering Lambang Jati Diri Yang Kuat	89
26	Kata Kunci Bunga Lambang Cinta	91
27	Kata Kunci Bunga Lambang Wanita Kreatif	92
28	Kata Kunci Bunga Lambang Hubungan Cinta	94
29	Kata Kunci Bunga Lambang Wanita Cantik	95
30	Kata Kunci Bunga Lambang Gadis/ Anak Dara	96
31	Kata Kunci Bunga Lambang Kekasih	98
32	Kata Kunci Bunga Lambang Kesabaran dan Ketekunan Wanita	99
33	Kata Kunci Bunga Cengkih Lambang Sejarah dan Simbol Kekayaan	101
34	Kata Kunci Bunga Lambang Suasana Yang Harum	102
35	Kata Kunci Bunga Lambang Keikhlasan dan Ketabahan Wanita	103
36	Kata Kunci Bunga Tentang Ketenangan dan Kebahagiaan dalam Rumah tangga	105
37	Kata Kunci Bunga Lambang Wanita yang Kuat dan Berani	106
38	Kata Kunci Bunga Sebagai Teman Pengganti Yang Lebih Baik	107
39	Kata Kunci Burung Lambang Kebebasan	110
40	Kata Kunci Burung Lambang Wanita yang Memerlukan Perhatian	112
41	Kata Kunci Burung Lambang Usaha Mencari Rezeki	113
42	Kata Kunci Burung Lambang Cabaran/ Ujian	114
43	Kata Kunci Burung Sebagai Lambang Gadis yang Riang dan Ceria	116
44	Kata Kunci Burung Memberikan Ketenangan	117
45(a)	Kata Kunci Burung Sebagai Pemusnah	119
45(b)	Kata Kunci Burung Sebagai Pelindung dan Lambang Keberanian	120

46	Kata Kunci Burung Lambang Lelaki Kejam	121
47	Kata Kunci Ikan Lambang Keinginan Untuk Bahagia	123
48	Kata kunci Ikan Sebagai Sumber Rezeki	124
49	Kata Kunci Ikan Lambang Keceriaan Seorang Ibu	125
50	Kata Kunci Ikan Lambang Kemiskinan	126
51	Kata Kunci Angsa Lambang Percintaan	128
52	Kata Kunci Angsa Lambang Cinta	129
53	Kata Kunci Kupu-Kupu Sebagai Lambang Keceriaan	131
54	Kata Kunci Rerama Lambang Wanita Cantik dan Riang	132
55	Kata Kunci Rerama Lambang Perkongsian Rezeki	133
56	Kata Kunci Labah-Labah Lambang Perlindungan	135
57(a)	Kata Kunci Sapi Lambang Kewanitaan	137
57(b)	Kata Kunci Unta Lambang Usaha yang Berterusan	138
58	Kata Kunci Kuda Lambang Lelaki Mendampingi Wanita	139
59	Kata Kunci Kuda Sebagai Sumber Rezeki	140
60	Kata Kunci Pulau Lambang Sejarah	142
61	Kata Kunci Pulau Lambang Sejarah	143
62	Kata Kunci Pulau Lambang Kemunduran	144
63	Kata Kunci Bukit Lambang Usaha	146
64	Kata Kunci Bukit Lambang Kerakusan Manusia	147
65	Kata Kunci Gunung Lambang Kritikan Sosial	149
66	Kata Kunci Laut Lambang Kemiskinan	151
67	Kata Kunci Laut Lambang Keganasan	152
68	Kata Kunci Laut Lambang Sejarah Negeri Melaka	153
69	Kata Kunci Laut Lambang Kekecewaan/ Kesedihan	154
70	Kata Kunci Ombak Lambang Kekecewaan/ Kesakitan	156

71	Kata Kunci Ombak Sebagai Cabaran/ Masalah	157
72	Kata Kunci Sungai Lambang Kemiskinan	159
73	Kata Kunci Sungai Lambang Sejarah	160
74	Kata Kunci Sungai Lambang Kerakusan Manusia	161
75	Kata Kunci Hujan Lambang Pertentangan Suasana	163
76	Kata Kunci Hujan Lambang Halangan	164
77	Kata Kunci Bintang Lambang Harapan Yang Memberi Sinar dalam Kehidupan	166
78	Kata Kunci Bintang Sebagai Petunjuk Arah dan Harapan	168
79	Kata Kunci Bulan Lambang Keindahan Wajah	169
80	Kata Kunci Bulan Sebagai Pertentangan Suasana dan Keadaan	171
81	Kata Kunci Bulan Lambang Putaran Kehidupan	172
82	Kata Kunci Matahari Lambang Harapan	174
83	Kata Kunci Matahari Lambang Semangat	175

## BAB 1

### Pengenalan

#### 1.1 Pendahuluan

Fenomena kemunculan pengarang wanita di tanah air semakin rancak ekoran dari semangat dan galakan daripada badan-badan tertentu yang menganjurkan pertandingan dan menawarkan hadiah lumayan. Hal ini menjadi faktor penting kepada pengarang untuk menghasilkan karya-karya yang bermutu dalam pelbagai genre sama ada puisi, cerpen, novel mahupun drama. Kesemua genre tersebut mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Genre cerpen misalnya kerana terdiri daripada sesuatu peristiwa yang dilalui oleh seseorang pengarang menerusi pengalaman, pemerhatian dan pengamatan terhadap apa yang berlaku di sekeliling. Oleh hal yang demikian, cerpen bukan sekadar cerita rekaan semata-mata, tetapi ia benar-benar berlaku di dalam kehidupan. Kenyataan ini turut dijelaskan dalam buku *Sastera Melayu: Suatu Pengantar* yang menyatakan semua cerita rekaan ada kemiripan dengan sesuatu dalam hidup. Hal ini kerana bahan atau sumber yang digunakan sebahagiannya diambil daripada pengalaman hidup sama ada langsung ataupun tidak langsung (Arba'ie Sujud et.al., 2011: 49).

Sehubungan itu, pada awal perkembangan, pihak editor dan penerbit telah memainkan peranan yang penting dalam menyediakan di dalam akhbar sehingga munculnya alat cetak. Oleh hal yang demikian, dengan adanya kemudahan alat cetak ini, ia dapat menyumbang kepada perkembangan yang pesat dalam sektor penerbitan akhbar sekali gus membawa kepada kemajuan pengeluaran bahan bacaan yang baik untuk semua lapisan masyarakat. Sebagai contoh dapat dilihat menerusi kemunculan beberapa buah majalah baru seperti *Majalah Guru*, *Masa*, *Dunia Melayu*, *Penyuluh*, *Suara Melayu*, *Al-Ikhwān* dan *Lembaran Guru* (Arba'ie Sujud et.al., 2011: 50).

Di samping itu, pada awal tahun 1920 sehingga 1950-an, banyak pengarang lelaki yang muncul berbanding pengarang wanita. Namun, pada awal tahun 1960-an, bilangan pengarang wanita telah meningkat antaranya seperti Salmi Manja, Anis Sabirin, Rukiah Abu Bakar dan Khalidah Adibah Amin. Pada tahun 1970-an pula, muncul pengarang seperti Khadijah Hashim, Noraini Haji Salleh dan Zaharah Nawawi (Arba'ie Sujud et.al. 2011, 2011: 59-62). Oleh hal yang demikian, dengan kelahiran pengarang wanita ini telah memperlihatkan satu perkembangan yang semakin rancak dan pesat di dalam dunia penulisan cerpen. Hal ini berupaya memberi satu suntikan semangat kepada pengarang wanita yang lain untuk mempersembahkan karya-karya dengan kehebatan yang tersendiri. Hal ini telah memperlihatkan kemunculan pengarang wanita yang baru seperti Maimon Rahman, Rogayah A. Hamid, Zaharah Ibrahim dan Siti Zainon Ismail.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Siti Zainon Ismail antara pengarang wanita di Malaysia yang mempunyai kebolehan dan kehebatannya tersendiri. Hal ini dapat dilihat menerusi sumbangan seseorang pengarang untuk menghasilkan cerpen yang bermutu dari aspek bentuk, isi, tema, watak, mesej, bahasa, pengolahan dan sebagainya. Othman Puteh dan Ramli Isin (2013) dalam *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden: Cerpen* turut menjelaskan:

“Pengarang menyenangi genre ini kerana ciri-cirinya yang menarik seperti padat dalam pelbagai aspek dalamannya, berupaya menyalurkan perutusan atau amanat, pemikiran, visi, dan tafsiran terhadap beraneka fenomena dan pergolakan yang tercetus dalam masyarakat di persekitaran, yang terkadang-kadang melewati batas tempat (geografi), bangsa dan kepercayaan. Kesemuanya itu diungkapkan dengan mengeksploit bahasa sebagai sara pengucapan yang kreatif dan imaginatif.” (2003: 1)

Kenyataan di atas menjelaskan tentang kekuatan sesebuah cerpen yang dihasilkan berdasarkan unsur-unsur tertentu sekali gus dapat menyalurkan mesej yang berguna kepada pembaca. Sehubungan itu, ada di antara pengarang wanita yang tidak bergiat secara aktif dalam bidang cerpen kerana dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu. Namun begitu, ada juga di antara mereka yang menjadi penulis prolific dan mapan serta mempunyai tempatnya yang tersendiri dalam dunia penulisan di tanah air sehingga kini. Hal ini demikian kerana, pengarang seperti ini mempunyai kesungguhan, minat dan pengalaman yang cukup luas untuk dijadikan sebagai sumber utama bagi menghasilkan karya yang bermutu. Pengarang wanita tersebut ialah Siti Zainon Ismail seperti yang dinyatakan oleh Rosnah Baharudin dalam *Dewan Sastera* iaitu:

“Tetapi, yang jelas, dalam dekad 1980-an para peminat cerpen Malaysia dapat menyaksikan perkembangan yang menggalakkan di kalangan beberapa orang penulis cerpen wanita Malaysia yang berbakat. Ramai pula di kalangan mereka muncul sebagai penulis cerpen yang berterusan. Antaranya ialah Siti Zainon Ismail yang bergiat dalam genre ini relatif lambat jika dibandingkan dengan kegiatannya sebagai pelukis dan penyair.” (1991: 88)

Rosnah dalam kenyataannya membuktikan bahawa ketekunan dan kesungguhan Siti Zainon Ismail dalam dunia sastera telah berupaya menjadikan beliau sebagai seorang pengarang yang masih menghasilkan karya secara berterusan. Selain itu, Siti Zainon Ismail juga merupakan seorang pengarang yang menguasai pelbagai bidang genre seperti puisi, cerpen, novel, pengkaji budaya, pelukis, kritikus dan ahli akademik. Justeru, Siti Zainon Ismail cuba untuk menonjolkan kelainan yang wujud dalam cerpen-cerpennya yang dapat dilihat dari sudut perubahan dan kreativiti terhadap teknik dan gaya penulisannya termasuklah dari aspek isi, tema, bahasa, plot, gaya bahasa, watak dan perwatakan dan latar.

Oleh hal yang demikian, sebagai seorang pengarang kreatif, Siti Zainon Ismail berupaya menghasilkan karya dengan kreativiti yang tersendiri. Kreativiti ini akan berfungsi apabila pengarang itu sendiri mengutip pengalaman, pemerhatian dan fenomena yang berlaku di sekelilingnya untuk dipindahkan ke dalam karyanya. Hal ini turut diakui oleh Abdul Halim Ali dalam bukunya *Di Sekitar Puisi Melayu Moden* yang menjelaskan tentang penyair dengan kreativiti tidak boleh dipisahkan kerana adanya hubungan yang bersifat secara langsung dan berkait dengan pelbagai aspek termasuklah pekerjaan penyair sewaktu dalam proses penciptaan (2007: 16). Misalnya, kreativiti yang dihasilkan oleh A. A. Navis yang dipetik dari kenyataan A. F. Yassin dalam bukunya *Sembang Sastera* menyatakan keindahan alam semulajadi, kekayaan budaya Minang, kesederhanaan masyarakat dalam menganut agama suci Islam dan keramahan warga menjadi landasan bagi A. A. Navis untuk berkarya (1998 (1): 2).

Kenyataan ini dapat dikaitkan pula dengan kreativiti Siti Zainon Ismail memandangkan beliau terkenal sebagai seorang penyair, cerpenis, pelukis dan pengkaji budaya. Oleh hal yang demikian, banyak landasan yang boleh digunakan oleh beliau untuk berkarya. Misalnya, menerusi pengalamannya sebagai seorang pelukis, banyak ilham dan pemikiran yang terkandung di sebalik motif-motif lukisannya dan dipindahkan ke dalam karyanya. Selain itu, pengalaman yang diperoleh hasil daripada pengembaraan semenjak kecil pula menjadikan beliau seorang yang sangat peka dengan keadaan sekeliling. Pengalaman telah menjadikan beliau seorang yang matang dan produktif dalam menghasilkan karya-karya kreatif dan bermutu dari semua aspek. Pada diri penyair, pengalaman diri yang dilalui amat bermakna dalam kehidupan, kerana pengalaman itu bukan hanya mengajar erti kehidupan, malah menjadikan diri mereka lebih matang dan dewasa dengan alam (Abdul Halim Ali, 2007: 84).

Justeru, pengalaman merupakan salah satu sumber berkarya kerana berupaya menggambarkan sesuatu yang sangat bermakna dan bernilai untuk dikongsi bersama masyarakat. Selain itu, Siti Zainon Ismail juga turut terlibat dengan kajian tentang seni budaya Melayu kerana minatnya yang mendalam terhadap warisan Melayu yang diwarisi sejak turun temurun dari keluarganya. Namun begitu, di sebalik kebanggaannya terhadap warisan Melayu, beliau turut melahirkan rasa sedih dan kesal terhadap sikap anak Melayu yang tidak menghargai warisan ini. Hal ini dapat dijelaskan menerusi kenyataan Siti Zainon Ismail dalam majalah *MIDI* iaitu:

“Sebagai anak Melayu sudah menjadi tanggungjawab kita memperkasakan warisan budaya Melayu agar ia tidak hilang ditelan zaman. Kebanyakan anak muda kini seakan hilang identiti Melayu dan terlalu mengagungkan karya luar. Sayangnya jika budaya warisan ini tidak dipelihara sebaik mungkin.”

(Rosmah Idayu, 2008: 138)

Petikan tersebut jelas menunjukkan semangat yang tinggi dalam diri Siti Zainon Ismail untuk memperjuangkan warisan Melayu supaya terus kekal dan wujud dalam diri anak-anak muda. Ketekunannya dalam mengangkat martabat budaya Melayu telah membawa kepada gelaran Teungku Cut Nyak Fakinah. Silfia dalam kenyataannya menekankan bahawa Siti Zainon Ismail wajar memiliki gelaran kehormat seperti yang dimiliki orang Melayu yang berprestasi dan berjasa dalam memartabatkan budaya dan kemajuan Melayu di Malaysia dan Indonesia. Masyarakat Tanah Rencong Aceh Naggro Darussalam menobatkan beliau dengan gelaran Teungku Cut Nyak Fakinah, gelaran kehormatan yang tidak sembarangan diperoleh oleh orang di luar etnik Aceh (Silfia Hanani, 2011: 32).

Di samping itu, tiga dunia berbeza yang dikuasai oleh Siti Zainon Ismail turut mempengaruhi beliau dalam penghasilan karya kreatif. Misalnya, sebagai seorang pelukis, aspek seni turut digunakan untuk memperlihatkan satu karya yang penuh dengan kepelbagaian dimensi ilmu. Menurut beliau, menulis dan melukis adalah sesuatu yang tidak boleh dipisahkan kerana setiap lukisan akan ada tulisan. Begitulah yang boleh diibaratkan dan dicerminkan dalam diri Siti Zainon Ismail. Hal ini turut diakuinya dalam satu petikan oleh Dami N. Toda dalam *Dewan Sastera* iaitu:

“Menulis puisi bagi saya merupakan kerja-kerja mencatat bagai lakaran di buku sketsa. Kedua-duanya tidak dapat dipisahkan-melukis dan menulis. Pertembungan dengan alam memberi rangsangan untuk berfikir-berbicara-berimajinasi tentang masa lalu, kini dan harapan masa depan. Suara yang didengar, bunyi pemberi irama, warna kilauan, desah yang bergetar, bau yang memencar adalah contoh elemen menjadikan saya ingin terus berbicara.”

(2002: 11)

Berdasarkan petikan tersebut, Siti Zainon Ismail memperlihatkan kegiatan melukisnya seiring dengan kegiatan menulis. Hal ini demikian kerana, Siti Zainon Ismail mempunyai minat yang begitu mendalam terhadap bidang puisi, cerpen mahupun novel. Justeru, hal ini membuktikan bahawa Siti Zainon Ismail menjadikan cabang seninya sebagai satu sumber untuk beliau berkarya. Secara rumusannya, menerusi kegigihan Siti Zainon Ismail dalam dunia sastera telah

berupaya meletakkan beliau sebagai seorang tokoh yang sangat terkenal. Hal ini dapat dilihat menerusi keupayaan beliau dalam pelbagai dimensi ilmu seperti pelukis, penyair, cerpenis, novelis, pengkaji budaya dan ahli akademik yang diberikan oleh Allah SWT untuk dimanfaatkan dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Begitu juga dengan segala sumber yang dianugerahkan oleh Allah SWT di atas muka bumi digunakan sebaik mungkin oleh beliau sebagai rangsangan kreativiti dalam karyanya untuk menyampaikan mesej dan pengajaran kepada pembaca.

### 1.3 Penyataan Masalah

Sesebuah karya yang dihasilkan oleh seseorang pengarang terutamanya cerpen haruslah mempunyai mesej berguna kepada khalayak pembaca yang wujud dalam pelbagai bentuk dan unsur. Hal ini demikian kerana, cerpen merupakan cerita pendek yang mempunyai unsur kesatuan yang lengkap dan berupaya menyampaikan amanat atau mesejnya (Othman Puteh, 1993: 60).

Penjelasan dari Othman Puteh tersebut telah membuktikan bahawa karya bermutu haruslah mempunyai mesej yang dapat memberi manfaat kepada pembaca. Oleh hal yang demikian, pengarang yang kreatif akan menggunakan sebaik mungkin segala kreativiti dan kemahiran yang ada untuk diolah menjadi sumber pengajaran kepada khalayak pembaca. Kreativiti dan kemahiran ini boleh hadir dalam bentuk pengalaman, keadaan sekeliling dan sebagainya yang boleh menjadi unsur penting untuk menghasilkan karya. Namun begitu, setiap pengarang berupaya untuk mengungkapkan unsur-unsur yang berbeza antara satu sama lain berdasarkan kreativiti yang tersendiri. Oleh hal yang demikian, pengkaji ingin melihat unsur yang sering digarapkan oleh seorang tokoh yang gigih dan tekal berkarya iaitu Siti Zainon Ismail kerana kebolehan menguasai tiga bidang sekali gus iaitu pelukis, penyair dan pengkaji budaya.

Umum mengetahui bahawa Siti Zainon Ismail sememangnya merupakan seorang pengarang yang sangat akrab hubungannya dengan alam. Hal ini dapat dibuktikan lagi dengan penggunaan unsur alam pada tajuk karyanya seperti “Daun-Daun Muda”, “Delima Ranting Senja”, “Seri Padma” dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, alam begitu sinonim dengan diri Siti Zainon Ismail kerana setiap unsur alam tersebut membawa makna yang sangat berguna di dalam kehidupannya. Dami N. Toda dalam *Kembara Seni Siti* tidak dapat membayangkan penyair Siti Zainon tanpa para sahabat dan alam, tanpa ritme denyut, garis, nada, bau dan warna. Kerana penyair tanpa para sahabat dan alam berarti sama dengan tanpa penduniaan diri, tanpa jagad seni (Dami N. Toda, 1997: 33).

Kenyataan tersebut menjelaskan tentang unsur alam yang sering digunakan oleh Siti Zainon Ismail yang menjadi pelengkap cerita dan kesempurnaan pada karyanya. Oleh hal yang demikian, berdasarkan pandangan tersebut, jelas menunjukkan unsur yang sering digunakan oleh Siti Zainon Ismail ialah unsur alam. Namun begitu, kebanyakan unsur alam yang sering diketengahkan oleh



tokoh sastera dilihat di dalam puisi-puisi yang dihasilkan oleh Siti Zainon Ismail kerana beliau lebih banyak menghasilkan puisi berbanding genre yang lain. Justeru, hal ini bertitik tolak daripada pandangan yang diberikan oleh Sammio Salleh iaitu:

“Sesungguhnya keindahan alam turut memberikannya ilham dan inspirasi kepada Siti Zainon dalam menghasilkan karyanya. Pengamatan dan penelitiannya terhadap alam menjadikan beliau semakin akrab dengan alam dan dapat berhubung dengan alam secara batini. Kerana itulah unsur-unsur alam begitu banyak ditemui dalam puisi-puisi ciptaannya.”

(*Kembara Seni Siti*, 1997: 27)

Kenyataan yang diberikan oleh Sammio Salleh di atas menguatkan lagi tujuan kajian tentang Siti Zainon Ismail ini dilakukan. Hal ini demikian kerana, Sammio Salleh menyatakan unsur alam banyak ditemui dalam puisi-puisi Siti Zainon Ismail sedangkan beliau juga turut menghasilkan karya kreatif yang lain seperti cerpen. Misalnya, unsur alam digunakan bagi tajuk cerpennya iaitu “Seri Padma”, “Bukit Jingga Sakti” dan “Jurai Palma” sekali gus telah menggambarkan keakraban hubungannya dengan alam. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan untuk menyanggah kenyataan yang diberikan oleh Sammio Salleh bahawa unsur alam turut digunakan oleh Siti Zainon Ismail dalam kumpulan cerpennya. Namun begitu, setiap unsur alam yang diungkapkan oleh pengarang haruslah menyampaikan mesej yang berguna kepada khalayak pembaca sekali gus dapat dijadikan sebagai satu pengajaran untuk mengkagumi kebesaran Allah SWT. Justeru, kajian ini ingin melihat sejauh mana penggunaan unsur alam ini mampu membawa makna yang berguna kepada khalayak pembaca. Hal ini bertitik tolak dari kenyataan yang diberikan Silfia Hanani dalam *Dewan Sastera* yang menyatakan:

“Siti Zainon dalam karyanya kerap kali membawa perlambangan alam. Perlambangan dalam ‘ramuan’ karya Siti Zainon selalu diberikan pentafsiran lugas, cerdas, berorientasikan masa depan. Ada makna dan falsafah sehingga kehadiran alam ada simbol yang sangat berguna untuk membangunkan kehidupan. Dalam konteks inilah, peranan utama bagi penyair, penulis, pelukis dan novelis serta cerpenis, bukan hanya sekadar berkarya tetapi mampu mentafsir alam dengan satu pandangan yang lain, yang membawa pembaca pada satu makna, pemikiran dan perubahan.”

(2011: 33)

Silfia dalam kenyataannya menjelaskan tentang unsur alam yang digunakan oleh Siti Zainon Ismail mempunyai makna dan falsafah yang menjadi simbol dalam kehidupan. Makna yang diungkapkan di dalam sesebuah karya haruslah berupaya memberi panduan dan pengajaran kepada khalayak pembaca. Namun begitu, kajian Silfia ini tidak memperlihatkan makna alam secara terperinci dan hanya memaparkan bait-bait puisi yang menyerlahkan keindahan alam tersebut. Oleh hal yang demikian, kajian ini perlu dilakukan agar dapat menyelongkar makna yang diperkatakan oleh Silfia menerusi pengutaraan unsur alam dalam kumpulan cerpen Siti Zainon Ismail. Makna tersebut boleh hadir dalam pelbagai sudut berdasarkan faktor yang mendasari pengungkapan unsur tersebut. Mahzan Musa (2000: 17) menjelaskan:

“*Psyche* kreativiti yang merangkumi jiwa, minda dan semangat seninya muncul di sana sini. Tersirat dalam larik puisi. Terpendam dalam lapisan rona warna di kanvas. Tergaris dari gerak liris garis-garis sketsa. Malah terselit juga dalam buku-buku ilmiah kesenian Melayu termasuklah tulisan pengembaraan serta cerita-cerita lisan pengalaman seni beliau. Segala ini membayangkan *psyche* kepenyairannya, *psyche* pelukisnya, *psyche* kesarjanaannya yang kesemuanya menjangkau *psyche* keperempuannya. Karya-karya seni Siti Zainon sebenarnya adalah gambaran peribadi penciptanya.”

(Zikir Pelangi, 2000: 17)

Mahzan dalam kenyataan tersebut menjelaskan tentang faktor yang mempengaruhi penghasilan karya-karya seni Siti Zainon Ismail didasari oleh pengembaraan, pengalaman dan gambaran peribadinya. Namun, kajian ini tidak menyatakan bahawa faktor ini juga merupakan penyumbang kepada penghasilan karya kreatif seperti cerpen. Justeru, kajian ini perlu dilakukan untuk melihat faktor-faktor yang menjadi penyumbang kepada pengungkapan unsur alam dalam cerpennya sama ada didasari oleh faktor seperti yang dijelaskan oleh Mahzan Musa atau masih ada faktor-faktor lain yang melingkungi diri pengarang. Oleh hal yang demikian, berdasarkan beberapa permasalahan yang diajukan di atas, rasionalnya memilih Siti Zainon Ismail kerana beliau merupakan seorang tokoh yang tekun dan gigih dengan menguasai tiga bidang sekali gus iaitu sastera, pelukis dan pengkaji budaya. Selain itu, unsur yang sering diketengahkan oleh tokoh-tokoh sastera kebanyakannya dilihat dalam puisi-puisi Siti Zainon Ismail dan ini dapat dianggap “bias” kepada genre yang lain. Oleh hal yang demikian, kajian ini merupakan kajian baru yang akan mengkaji unsur alam secara lebih terperinci dalam tiga buah kumpulan cerpen pilihan yang dihasilkan oleh Siti Zainon Ismail. Justeru, berdasarkan pernyataan dan penelitian ini, terdapat beberapa persoalan dapat ditimbulkan iaitu:

1. Adakah unsur alam hanya diterapkan dalam puisi sahaja?
2. Adakah unsur alam yang digunakan oleh Siti Zainon Ismail mempunyai makna yang tersurat dan tersirat untuk dijadikan bahan pengajaran kepada pembaca?
3. Adakah terdapat faktor lain selain pengembaraan, pengalaman dan gambaran peribadi yang menjadi faktor kepengaruhan dalam menghasilkan karya yang berunsur alam?

#### **1.4 Objektif Kajian**

1. Mengenalpasti unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail.
2. Menganalisis makna unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail.
3. Merumuskan kepengaruhan berdasarkan pengungkapan unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail.

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

Penyelidikan memberi banyak faedah kepada masyarakat untuk digunakan pada masa akan datang. Hal ini demikian kerana, penyelidikan yang dijalankan terhadap sesuatu isu atau perkara berupaya mengekalkan khazanah sastera yang dihasilkan supaya karya tersebut terus kekal dan dapat digunakan oleh generasi akan datang. Sehubungan itu, karya sastera mampu menjadi aktiviti budaya dan memberi banyak kepentingan dan faedah kepada masyarakat. Justeru, bahan-bahan karya sastera yang wujud dalam masyarakat ini perlu didokumentasikan dan dijadikan sebagai bahan khazanah bangsa. Bahan-bahan ini amat berguna kepada para pengkaji kesusasteraan Melayu dalam pelbagai genre sama ada novel, cerpen mahupun puisi malah dalam bidang-bidang lain yang berkaitan untuk dijadikan sebagai sumber rujukan dalam kajian yang akan dilakukan.

Seseorang pengkaji akan beroleh kepentingan daripada hasil kajian yang dilakukan kerana mereka akan diberikan satu pendedahan awal yang berupaya memberikan input berguna. Oleh hal yang demikian, mereka dapat memperluas, menambah, mengembangkan segala ilmu yang sedia ada dalam melakukan kajian-kajian yang lebih kreatif, berilmu dan bertaraf antarabangsa. Selain itu, kajian-kajian yang telah dilakukan berupaya menjadi perintis atau pembuka jalan kepada penyelidikan atau penemuan baru terutama pada karya-karya yang belum diterokai lagi oleh mana-mana pengkaji.

Selain dari diri pengkaji, kajian yang dilakukan juga dapat memberi faedah kepada bidang ilmu dan akademik. Hal ini demikian kerana, kajian yang dilakukan dapat menambah jumlah bilangan kajian dalam bidang yang dikaji dan seterusnya dapat memberi sumbangan kepada dunia akademik. Sehubungan itu, kepentingan maklumat baru yang ditemui dan diperolehi daripada hasil kajian yang dilakukan

dapat membantu khalayak sastra untuk sentiasa peka dengan perkembangan sastra terkini dan mutakhir.

Siti Zainon Ismail merupakan seorang pengarang yang berupaya menghasilkan karya bermutu dengan watak-wataknya yang berani, cekal, tekal dan berupaya membangunkan jiwa. Justeru, diharapkan kajian ini berupaya menjadi rangka rujuk kepada pengarang wanita Malaysia yang lain untuk menghasilkan karya yang lebih bermutu dengan penggunaan bahasa yang indah dan bermakna. Di samping itu, hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberi faedah kepada golongan masyarakat khususnya khalayak sastra untuk dijadikan sebagai bahan penting sama ada sebagai pengajaran mahupun rujukan dalam kehidupan. Golongan masyarakat juga berupaya mengenali keperibadian seseorang pengarang dengan lebih dekat berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini. Oleh itu, diharap kajian ini dapat memberi manfaat yang sewajarnya kepada masyarakat, khalayak sastra mahupun bidang akademik.

### 1.6 Batasan Kajian

Bahagian ini akan membincangkan tentang batasan bahan dan batasan aspek yang akan di kaji. Menerusi batasan bahan, kajian ini akan memfokuskan kepada kumpulan cerpen pilihan karya Siti Zainon Ismail iaitu *Jurai Palma* (2001) yang merangkumi 18 buah cerpen, *Piazza Di Spagna* (2005) mewakili 3 buah cerpen dan *Rindu Pala Muda* (2006) sebanyak 20 buah cerpen. Kumpulan cerpen tersebut diperincikan seperti jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Kumpulan Cerpen Pilihan**

Bil.	Kumpulan Cerpen	Cerpen	Jumlah	Penerbit	Tahun Terbit	Halaman
		1) Restu Kuala				
		2) Syah Kubandi				
		3) Dering Aidilfitri				
		4) Atika, Sahabat Kami				
		5) Intan Kirana				
		6) Rimbun Jenjarum				
		7) Daun Mapel Akhir				
		8) Kampung Paya Kami				
		9) Jurai Palma				
		10) Nyanyian Orang Laut				
		11) Bukit Jingga				

Bil.	Kumpulan Cerpen	Cerpen	Jumlah	Penerbit	Tahun Terbit	Halaman
		Sakti 12) <i>Oikos</i> Ledang 13) Meena Pelangi? 14) Kasih Kaca Warna 15) Gerimis dan Sekaki Payung 16) Cinta Lembah Damai 17) Dia Tidak ke Gunung 18) Perjanjian Laut Banda				
2.	<i>Piazza Di Spagna</i>	1) Potret Azalea 2) Bulan Madu Piazza di Spagna 3) Konserto Musim Bunga	3	Galeri Melora	2005	52
3.	<i>Rindu Pala Muda</i>	1) Seri Padma 2) Perarakan Bhima 3) Lagu Perang 4) Lagu Bulan 5) Puan Champa 6) Atar Dari Lembah Mawar 7) Antara Dua Pulau 8) Musim Gugur Pertama 9) Taman-Taman Laut 10) Pugai 11) Sepalit Lengkungan Cahaya 12) Episod Inderajati 13) Seloka Si Tanjung 14) Kau Masih di Laut, Erick? 15) Restu Kuala 16) Intan Kirana 17) Kampung Paya Kami	20	Dewan Bahasa dan Pustaka	2006	220

Bil.	Kumpulan Cerpen	Cerpen	Jumlah	Penerbit	Tahun Terbit	Halaman
		18) Jurai Palma 19) Nyanyian Orang Laut 20) Rindu Pala Muda				
<b>JUMLAH CERPEN</b>					<b>41</b>	

Menerusi batasan bahan tersebut, terdapat beberapa buah cerpen sama yang diulang dalam kumpulan cerpen lain, iaitu sebanyak 5 buah cerpen dan menjadikan cerpen keseluruhannya adalah berjumlah 36 buah cerpen. Cerpen yang diulang tersebut ialah cerpen yang bertajuk “Kampung Paya Kami”, “Jurai Palma”, “Nyanyian Orang Laut”, “Restu Kuala” dan “Intan Kirana”. Selain itu, ada juga kumpulan cerpen yang diselitkan dengan puisi bagi setiap cerpen, iaitu kumpulan cerpen *Piazza Di Spagna*. Manakala, bahagian batasan aspek pula, pengkaji akan melihat unsur alam yang diketengahkan oleh Siti Zainon Ismail dalam tiga kumpulan cerpennya yang merangkumi alam flora, fauna, tanah, air dan cakerawala.

Pemilihan tiga kumpulan cerpen ini didasari oleh beberapa faktor. Pertama, kumpulan cerpen ini telah memaparkan setiap dekad bagi cerpen-cerpen yang terkandung di dalamnya. Cerpen-cerpen ini seakan mewakili dekadnya dengan situasi yang terjadi bermula pada tahun 1984 sehingga tahun 2000 iaitu pada tahun awal penglibatan Siti Zainon Ismail dalam penulisan cerpen. Kedua, pemilihan kumpulan cerpen ini didasari oleh faktor penggunaan nama bagi tajuk kumpulan cerpen itu sendiri yang menggunakan unsur alam seperti *Rindu Pala Muda* dan *Jurai Palma*. Oleh hal yang demikian, berdasarkan dua faktor yang dijelaskan tersebut, ketiga-tiga kumpulan cerpen ini telah dipilih untuk menjadi bahan dalam kajian ini.

### 1.7 Kaedah Kajian

Kajian ini dilakukan berasaskan kepada beberapa kaedah. Pertama, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan. Kaedah kepustakaan digunakan untuk membuat rujukan terhadap bahan-bahan bercetak di perpustakaan seperti jurnal, bahan-bahan ilmiah dan tesis atau projek-projek penyelidikan yang telah ditulis oleh para penyelidik terdahulu dan bahan bercetak lain yang dapat memberi sebarang maklumat terhadap kajian ini. Kaedah kedua yang digunakan ialah kaedah analisis teks atau analisis kandungan. Kaedah ini lebih menjurus kepada bidang sastera dan ia bersesuaian dengan kajian ini untuk menganalisis unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan karya Siti Zainon Ismail.

Cerpen-cerpen Siti Zainon Ismail akan dianalisis dengan menggunakan teori Konseptual Kata Kunci. Menurut Mohamad Mokhtar Hassan (2005: 79), teori

Konseptual Kata Kunci diperkenalkan untuk melihat konsepsi seseorang individu terhadap sesuatu isu, hal, perkara dan objek. Justeru, pengkaji akan menggunakan teori Konseptual Kata Kunci yang akan diaplikasikan dalam cerpen-cerpen Siti Zainon Ismail untuk melihat konsepsinya terhadap unsur alam.

## 1.8 Penerapan Teori

Mohamad Mokhtar Hassan telah menghasilkan tesis Ph.D yang berjudul *Keywords: A Vocabulary of Culture and Society* di Australian National University, Canberra pada tahun 1990-an. Bermula dari situlah tercetusnya idea untuk menghasilkan teori Konseptual Kata Kunci dengan menganalisis cerpen-cerpen Usman Awang bagi melihat konsep-konsep utama dan meneliti kata-kata kunci yang diperkenalkan dengan idea Raymond Williams. Kemudian, teori Konseptual Kata Kunci diperkenalkan secara serius menerusi pembentangan kertas kerjanya iaitu “Pendekatan Kata Kunci: Satu Kaedah Dalam Kritikan Sastera” pada 24-26 September 2001 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dalam Seminar Kritikan Sastera Melayu Serantau, anjuran bahagian Teori dan Kritikan Sastera. Menerusi pembentangan kertas kerja tersebut, Mohamad Mokhtar Hassan menjelaskan secara terperinci tentang teori Konseptual Kata Kunci yang telah diperkenalkan olehnya dengan mengemukakan tiga prinsip utama teori iaitu kepengaruhan, pemilihan kata dan kesan (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005: 77).

Prinsip pertama dalam teori Konseptual Kata Kunci ialah kepengaruhan yang berhubung dengan diri pengarang. Konsepsi seseorang yang dipengaruhi oleh pelbagai aspek seperti pendidikan, ideologi, pekerjaan, latar belakang keluarga, masyarakat, budaya, kepercayaan, politik, pertubuhan yang diperjuangkan dan lain-lain. Aspek-aspek yang dipengaruhi oleh pengarang inilah yang dikatakan sebagai kepengaruhan yang kemudiannya membentuk konsepsi pengarang itu sendiri terhadap sesuatu hal, isu, objek, perkara, idea dan sebagainya. Selain daripada pengaruh itu, ada juga faktor lain yang menjadi penentu konsepsi pengarang iaitu faktor umur, masa, dan peredaran zaman. (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005: 84).

Prinsip kedua dalam teori Konseptual Kata Kunci ialah pemilihan kata yang berhubung dengan karya pengarang. Prinsip ini merupakan kata-kata yang dipilih oleh pengarang untuk menyatakan konsepsinya terhadap sesuatu hal, isu, idea dan perkara. Kata-kata yang dikemukakan oleh pengarang adalah kata-kata yang melingkungi diri pengarang. Dengan kata lain, kata-kata untuk pengarang mengkonsepsikan perkara itu adalah kata-kata yang sering bermain dalam minda pengarang (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005: 85).

Prinsip terakhir dalam teori Konseptual Kata Kunci ialah kesan yang melibatkan pembaca. Sesuatu yang berlaku akan memberi kesan yang tertentu. Justeru, pembaca akan menerima kesan-kesan tertentu daripada karya yang dibaca melalui pemilihan diksi oleh pengarang sama ada secara sedar atau tidak sedar. Penelitian

terhadap kata-kata yang terdapat dalam karya itu merujuk kepada kata kunci dan melalui penelitian itu akan memberi kesan kepada pembaca.

## 1.9 Definisi Konsep dan Operasional

Beberapa definisi konsep perlu diberi perhatian supaya analisis kajian lebih jelas dan menepati objektif kajian. Definisi konsep tersebut akan meneliti konsep alam supaya unsur-unsur alam dapat dibuat pembahagian agar analisis lebih jelas dan terarah.

### 1.9.1 Definisi Konsep Alam

*Ensiklopedia Sains* menyatakan alam atau sarwajagat ialah alam jumatara termasuk bintang-bintang dalam bima sakti, badan-badan yang ada dalam sistem suria, bintang-bintang lain dan galaksi-galaksi di jumatara serta angkasa di antaranya (1979: 7). Selain itu, alam ialah dunia, bumi (dan apa yang ada dalam dunia ini) manakala bagi tafsiran kedua ialah lingkungan yang meliputi golongan atau kumpulan orang atau hidupan lain yang tertentu (*Ensiklopedia Malaysiana*, 1996: 17).

Sehubungan itu, alam ditakrifkan sebagai unit klasifikasi biologi yang paling besar. Semua organisma hidup tergolong dalam satu alam, tetapi tiada organisma yang tergolong dalam lebih daripada satu alam (*Ensiklopedia Dunia*, 2005: 259). *Ensiklopedia Kesenian dan Warisan Islam* pula mendefinisikan alam sebagai sesuatu yang dijadikan oleh Allah SWT kerana Dia adalah *Khalik* iaitu pencipta. Alam terbahagi kepada dua iaitu alam nyata dan alam ghaib. Alam nyata ialah alam yang dapat dilihat dengan pancaindera seperti benda hidup, benda cair, benda padat dan lain-lain. Alam ghaib pula ialah alam yang tidak dapat dilihat dengan pancaindera, iaitu alam jin, alam iblis, alam akhirat dan sebagainya (2009: 18).


Menurut Abu Bakar Abdul Majeed dalam buku *Alam Sekitar Anugerah Tuhan*, alam terbahagi kepada dua, iaitu alam *musyahadah* dan alam ghaib. Alam *musyahadah* ialah alam secara fizikal yang kandungannya dapat dilihat dengan pancaindera atau ditanggap dengan akal. Alam ghaib pula ialah alam yang tidak dapat dilihat atau ditanggap dengan pancaindera atau akal, contohnya alam roh dan alam akhirat. Menurutnya lagi, alam *musyahadah* dijadikan Tuhan untuk kemudahan dan kegunaan manusia. Selain itu, alam juga terdiri daripada pelbagai komponen (1998: 2). Di samping itu, menurut Hashim Awang dalam *Seminar Kesusasteraan dan Alam Sekitar* pula menjelaskan tentang alam yang bercirikan kesatuan kerana ia terbina daripada berbagai unsur seperti bumi (tanah), langit, laut (air), tumbuhan, haiwan, dan manusia; tiap satunya saling berhubungan dan saling memperkukuhkan (2003: 14).



## 1.9.2 Definisi Operasional

Berdasarkan beberapa konsep alam tersebut, dapat diringkaskan bahawa alam merupakan keseluruhan apa yang ada di bumi dan langit termasuklah manusia yang dapat dilihat atau tidak dapat dilihat oleh pancaindera. Namun begitu, berdasarkan konsep alam tersebut, pengkaji hanya akan membataskan kepada alam yang dapat ditanggapi dengan pancaindera manusia. Hal ini diteliti menerusi ciri-ciri yang terdapat pada alam yang merupakan satu kesatuan yang terdiri daripada beberapa unsur. Antaranya unsur flora, fauna, tanah, air, dan cakerawala yang dapat dilihat seperti dalam gambar rajah 1 berikut:

**Gambar Rajah 1: Kategori Unsur Alam**



Berdasarkan gambar rajah 1, konsep bagi unsur tersebut akan diperincikan.

### 1.9.2.1 Flora

*Kamus Dewan* (2007: 413) mendefinisikan flora sebagai keseluruhan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di suatu daerah atau pada sesuatu masa. Sehubungan itu, *Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Ketiga* (2003: 318) pula menyatakan flora sebagai keseluruhan kehidupan jenis tumbuh-tumbuhan atau juga didefinisi sebagai karya atau terbitan yang memuat daftar jenis tumbuh-tumbuhan suatu habitat, daerah atau strata geologi tertentu. William H. Brown dalam bukunya *Alam Tumbuh-Tumbuhan* pula mengelaskan tumbuhan kepada beberapa bahagian. Antaranya ialah tumbuhan peringkat tinggi yang terdiri daripada hidupan yang mempunyai akar, bunga, daun dan juga mungkin mempunyai batang dengan akar yang lebih daripada satu (1971: 5). Manakala, mengikut *Ensiklopedia Dunia Jilid 7* (2005: 178), flora ialah nama yang diberi kepada hidupan tumbuhan di bahagian tertentu dunia atau pada tempoh masa tertentu. Istilah flora diambil daripada nama dewi orang Rom bagi bunga dan dewi musim bunga.

### 1.9.2.2 Fauna

*Kamus Dewan Edisi Keempat* mendefinisikan fauna sebagai seluruh binatang yang hidup di sesuatu daerah tertentu (2014: 408). Selain itu, fauna merujuk

kepada binatang seperti mamalia, unggas, serangga dan ikan (<http://ms.m.wikipedia.org>).

### 1.9.2.3 Tanah

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, tanah ialah lapisan bumi yang di atas sekali (2014: 1591) manakala tanah menurut (<https://ms.m.wikipedia.org>) ialah bahagian permukaan bumi yang terdiri daripada mineral dan bahan organik. Perihal tentang tanah ini jelas menunjukkan bahawa pulau, gunung dan bukit juga merupakan satu unsur alam yang terdiri daripada tanah. Hamparan tanah di atas bumi pecah yang berlaku suatu ketika dulu dan membentuk lautan dan sebahagian tanah terpisah dengan sebahagian yang lain sehingga menjadi benua dan pulau seperti yang dilihat pada hari ini (Danial Zainal Abidin, 2014: 89).

### 1.9.2.4 Air

Air menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* ialah kumpulan cecair (seperti yang terdapat di dalam sungai, tasik, laut dan sebagainya) (2014: 17). Selain itu, air merupakan sebatian kimia yang berada dalam bentuk cecair pada tekanan biasa dan pada suhu bilik. Air meliputi 70% daripada permukaan bumi. Setiap kehidupan memerlukan air untuk terus hidup (<https://ms.m.wikipedia.org>).

### 1.9.2.5 Cakerawala

*Kamus Dewan Edisi Keempat* mendefinisikan cakerawala ialah bintang-bintang di langit (seperti bulan, matahari dan sebagainya) (2014: 238) manakala mengikut (<http://www.prpm.dbp.gov.my>), cakerawala ialah langit atau lengkung langit. Maksud lain ialah seluruh bintang dan planet di langit termasuk bulan dan matahari. Selain itu, langit terdekat bumi dihiasi matahari yang bersinar terang di siang hari, dan bulan serta bintang-bintang yang bercahaya indah di malam hari (H. Hery Harjono, H. Muchlis M. Hanafi et.al, 2012: 7).

Oleh hal yang demikian, menerusi perincian yang dibuat berdasarkan konsep alam, dapat dirumuskan bahawa unsur alam ini mempunyai aturan ciptaannya dari Allah Yang Maha Agung dengan penuh teratur dan indah. Hal ini demikian kerana, unsur alam ini mempunyai punca asalnya dan tiada satu pun unsur persekitaran yang wujud begitu sahaja (Zakaria Awang Soh, 1990: 56). Oleh hal yang demikian, alam sememangnya terdiri daripada unsur-unsur yang saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Hal ini dapat dilihat menerusi unsur di langit (cakerawala) seperti bulan, bintang dan matahari yang masing-masing memberi kegunaannya kepada kehidupan manusia. Kemudian, dari air membentuk sungai, lautan dan tasik untuk kegunaan flora dan fauna manakala dari tanah pula membentuk gunung-ganang, pulau dan bukit. Oleh hal yang demikian, berdasarkan perincian dari konsep alam, secara ringkasnya pembahagian analisis

kajian ini terbahagi kepada lima unsur iaitu flora, fauna, tanah, air, dan cakerawala.

### **1.10 Kesimpulan**

Sifat kreativiti yang diserlahkan oleh seseorang pengarang diperlihatkan menerusi penggunaan segala unsur di sekeliling sebagai ilham dalam menghasilkan sesuatu karya kreatif yang sangat berguna kepada masyarakat. Siti Zainon Ismail misalnya banyak menonjolkan unsur alam di dalam cerpennya. Hal ini demikian kerana, Siti Zainon Ismail mempunyai hubungan yang akrab dengan alam dan mencurahkan segala ilham ke dalam karya-karyanya menerusi peristiwa yang berlaku di sekitarnya.

Di samping itu, menerusi alam juga Siti Zainon Ismail berupaya melunaskan tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini yang telah dijalankan dengan baik. Hal ini demikian kerana, melalui alam, Siti Zainon Ismail mampu membawa khalayak pembaca untuk sama-sama merasai kekuasaan dan kehebatan Allah SWT yang menciptakan seluruh isi dunia yang banyak memberi manfaat kepada manusia. Selain itu, alam juga dikatakan banyak memberi inspirasi dan ilham kepada Siti Zainon Ismail untuk menghasilkan sesuatu karya yang lebih bermutu kerana alam mempunyai peristiwanya yang tersendiri dan dengan keupayaan serta kebolehan yang ada, Siti Zainon Ismail mampu mencoretkan sesuatu yang indah dan bermakna di dalam karyanya.

Menerusi hubungan yang erat dengan alam inilah menjadikan Siti Zainon Ismail sebagai cerpenis yang sangat kreatif mengolah tema, persoalan, perwatakan yang banyak berlaku di alam nyata dengan membawa imej-imej alam yang menarik. Oleh hal yang demikian, unsur alam ini bukan sahaja menggambarkan keindahan ciptaan Allah SWT malah mempunyai mesej yang sangat berguna untuk khalayak pembaca. Justeru, kreativiti Siti Zainon Ismail dalam mengolah unsur alam di dalam karyanya menjadi satu titik perkembangan yang menarik dalam dunia sastera Melayu tanah air.

## BIBLIOGRAFI

- A. Halim Ali. 2007. *Di Sekitar Puisi Melayu Moden*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- A. Wahab Ali. 1989. *Imej Manusia dalam Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. F. 1998 (1). "Bumi Dipijak Langit Dijunjung". *Sembang Sastera*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- A. F. Yassin. 1998 (58). "Dari Anak Alam ke Ibu Menara Gading". *Sembang Sastera*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abd. Aziz bin Alias. 2005. "Konsep Perjuangan dan Kepimpinan Keris Mas: Satu Penelitian Teori Konseptual-Kata Kunci". *Tesis Sarjana Sastera*. Universiti Malaya.
- Abu Bakar Abdul Majeed. 1998. "Alam Sekitar". *Alam Sekitar Anugerah Tuhan*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ahmad Kamal Abdullah. 2010. *Simbolisme dalam Puisi Islam di Malaysia 1970-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah dan Zaiton Ajamain (peny.). 2002. *Jambak 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alam Tumbuh-Tumbuhan*. 1985. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Amida Abdulhamid. 2008. *Rangkaian Falsafah dalam Analisis Sastera*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Arba'ie Sujud et.al. 2011. *Sastera Melayu: Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd.
- Awang Azman Awang Pawi. 2004. "Penulisan Wanita Asia Tenggara: Siti Zainon Ismail Pengarang Wanita Pasca Kolonial Malaysia". Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Wanita Asia Tenggara di Hotel Istana Kuala Lumpur pada 7-8 September 2004.
- Dami N. Toda. 1997. Bunga-Bunga Bulan dan Sketsa Puisi Siti. *Kembara Seni Siti*. Selangor: Galeri Melora.
- Dami N. Toda. 2002. Siti Zainon Ismail Penyair Wanita Tersohor Nusantara. *Dewan Sastera*. 32(10): 10-17.
- Danial Zainal Abidin. 2014. *Quran Sainifik*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Djazlam Zainal. 2001. "Asmaradana dalam Cerpen Siti Zainon Ismail". Seminar Kesusasteraan Bandingan Malaysia 2001: Selangor Darul Ehsan, Kuala

Lumpur di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam, Selangor pada 6-7 Oktober 2001.

*Ensiklopedia Dunia*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Ensiklopedia Dunia Jilid 7*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Ensiklopedia Kesenian dan Warisan Islam Jilid 2*. 2009. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.

*Ensiklopedia Malaysiana*. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd., 1996.

*Ensiklopedia Sains*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 1979.

Fatimah Busu. 2012. Alam dalam Karya Fiksyen. *Dewan Sastera*. 42(3): 36-43.

Farahanum binti Abdul Rahman. 2013. "Terpretasi Pragmatik Terhadap Unsur Flora dan Fauna dalam Pantun Melayu. *Tesis Sarjana Sastera*. Universiti Putra Malaysia.

Farahanum binti Abdul Rahman et. El. 2011. Unsur Flora dan Fauna dalam Pantun Melayu: Interpretasi Pragmatik. *Kelestarian Bahasa Satu Rumpun Satu Ikatan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Guntur Siswojo. 1992. Dara Melayu dari Kuala Lumpur Calon Pelukis yang Kuliah di ASRI. *Bunga-Bunga Bulan*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn. Bhd.

G.W.H. Davison, Karen Phillips dan Alias Kamis. 1989. *Pengenalan Burung-Burung Malaysia*. Kuala Lumpur: World Wide Fund for Nature Malaysia.

H. Hery Harjono, H. Muchlis M. Hanafi et.el. 2012. *Penciptaan Bumi*. Jakarta: Kementerian Agama RI.

H. Ismail Yakub Sh. (Terj.). 1988. *Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 7*. Kuala Lumpur: Victory Agensi.

Hanapi Dollah. 2004. *Jurai Palma: Sebuah Citra Wanita. Sastera dalam Perspektif Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Awang. 2003. "Hubungan Kesusasteraan Dengan Alam Sekitar". *Seminar Kesusasteraan dan Alam Sekitar* di Dewan Seminar, Menara DBP pada 23-24 Jun 2003.

Irene Voon Foong Len. 1985. *Keanekaan Haiwan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jasmi Abdul. 2015. *25 Spesies Burung Liar Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kamariah Kamarudin. 2011. Sahsiah dan Jati Diri Negara Bangsa dalam *Delima Ranting Senja*. *Dewan Sastera*. 21(12): 37-41.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Ketiga*. 2003. Jakarta: Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional, Balai Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Tiga*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Empat*. 2014. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahzan Musa. 1996. Larik Puisi dalam Sketsa dan Cerpen Siti Zainon Ismail 1980 sehingga 1980-an. *Taman-Taman Kejadian*. Bangi: Galeri Melora.
- Mahzan Musa. 2000. Ragam Citra Kata dan Warna Siti Zainon Ismail. *Zikir Pelangi*. Selangor: Galeri Melora.
- Maisarah Yaacob dan Maharam Mamat. 2014. "Tarbiah Alam dalam Novel KOMSAS". *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 25: 62-101.
- Mark Lambert. 2001. *Kehidupan Haiwan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mokhtar Hassan. 2005. *Teori Konseptual Kata Kunci*. Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. 2012. Konseptual Shahnnon Ahmad Terhadap Kepimpinan Melalui *Patriarch*: Satu Analisis Berdasarkan Teori Konseptual Kata Kunci. *Pemikiran Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mokhtar Hassan. 2007. Cerpen Melayu Malaysia, Indonesia dan Negara Brunei Darussalam Peringkat Awal: Analisis Konsep Kemiskinan Berdasarkan Kata-Kata Kunci Utama. *Kajian Bandingan Cerpen Sebelum Merdeka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mokhtar Hassan. 2004. "Teori Konseptual – Kata Kunci: Aplikasi Terhadap Cerpen Cerpen S. Othman Kelantan". *Seminar Pemikiran Sasterawan Negara S.Othman Kelantan* di Dewan Seminar, Menara DBP Kuala Lumpur pada 24-26 Mei 2004.
- Mohamad Mokhtar Hassan. 2003. "Teori Konseptual – Kata Kunci: Penerapan Terhadap Karya Sastera". *Seminar Teori dan Kritikan Sastera Timur-Barat* di Balai Budaya DBP Cawangan Sarawak pada 20-21 Oktober 2003.
- Mohd Daud bin Ibrahim. 2015. Cinta Kepada Ilahi dalam Puisi Darma Mohamad. *Tesis Sarjana Sastera*. Universiti Putra Malaysia.
- Muhamad Fadzil bin Haji Yusoff. 2012. Kosmologi dalam Puisi-Puisi Zurinah Hassan. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Putra Malaysia.

- Muhamad Fadzil bin Haji Yusoff dan Samsina binti Abdul Rahman. 2011. Kosmologi Biotik Alam Fauna dalam Puisi-Puisi Zurinah Hassan Dari Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu. *Kelestarian Bahasa Satu Rumpun Satu Ikatan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Zahidi bin Mat Ali. 2007. Konseptual Abdul Rahim Kajai dalam Kumpulan Cerpen Rahsia dalam Rahsia. *Tesis Sarjana Melayu*. Universiti Malaya.
- Naffi Mat. 2013. *Pemikiran Dharmawijaya: Menterjemahkan Sosialisasi Masyarakat Desa dan Kota*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Fazli bin Mohamad. 2015. Puisi Melayu dalam Drama-Drama Noordin Hassan. *Ijazah Sarjana Sastera*. Universiti Putra Malaysia.
- Noraida Arifin. 2005. *Penyembuhan Semula Jadi dengan Herba*. Kuala Lumpur: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Nur Iman. 2011. *Kepelbagaian Fauna: Aneka Haiwan Pelengkap Alam*. Selangor: Penerbit Prisma Sdn. Bhd.
- Ong Hean Chooi. 2006. *Tanaman Hiasan: Khasiat Makanan dan Ubatan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Othman Puteh. 1993. *Penulisan Cerpen: Visi dan Lamggam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh dan Ramli Isin. 2003. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden: Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. 2005. Cerpen Malaysia di Muara Abad 21: 2000-2001. *Penghayatan Kesusasteraan Melayu Moden*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Raja Rajeswari A/P Seetha Raman. 2015. Simbol dalam Cerpen-Cerpen Anwar Ridhwan: Kajian Konseptual Kata Kunci. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Malaya.
- Redza Piyadasa. 1992. Pelukis Siti Zainon Ismail - Suatu Apreasiasi. *Bunga-Bunga Bulan: The Moon Is A Candle*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robin Kerrod. 2006. *Bintang & Planet*. Zainah Azahari(pentj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosifah Mat Isa. 2005. Perlambangan Alam Dalam Kumpulan Puisi *Pelabuhan Putih* Karya Kemala. *Ijazah Sarjana Sastera*. Universiti Putra Malaysia.
- Rosmah Idayu Abu Samah. 2008. Dunia Warisan Melayu Dekat di Hati Prof. Siti Zainon Ismail. *Midi*. Bil. 51: 138-139.

- Rosnah Baharudin. "Cerpen-cerpen Siti Zainon Ismail: Antara Konvensi dan Perubahan" dalam *Dewan Sastera*, Disember 1991, Jld. 21. Bil. 12: 88.
- Rosnah Baharudin. 2003. *Wacana Wanita Melayu dan Sastera*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnah Baharudin. 2003. Cerpen-Cerpen Siti Zainon Ismail: Wanita Bukan Hanya Wajah. *Wacana Wanita Melayu dan Sastera*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnah Baharudin. 2003. *Pulau Renik Ungu*. Perjalanan Seorang Wanita. *Wacana Wanita Melayu dan Sastera*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozidawati Binti Mohd. 2016. Konsep *Taqarrub* dalam Kumpulan Puisi 'Deru Perjalanan Kembali Seorang Abid' karya Yahya M.S. *Tesis Sarjana Sastera*. Univeristi Putra Malaysia.
- Rukayah Aman. 2014. *Buah-Buahan Hutan Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sakinah Abu Bakar. 2013. *Silang Seni Siti Zainon Ismail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sakinah Abu Bakar. 2016. Penggunaan Lambang dalam Puisi-Puisi Zurinah Hassan. *Multidimensi Pemikiran Sasterawan Kedah*. Kedah: UUM Press.
- Sammio Salleh. 1997. Siti Zainon Ismail: Antara Keindahan Alam dan Kesuraman Malam. *Kembara Seni Siti*. Selangor: Galeri Melora.
- Samsina binti Abdul Rahman. 2011. Pengungkapan Kekuasaan Allah Terhadap Alam dalam Puisi Melayu Moden. *Kedinamikan Bahasa dalam Budaya: Isu & Trend*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Silfia Hanani. 2011. "Siti Zainon Ismail Mentafsir Roh Seni Budaya dari Perspektif Tradisional dan Moden". *Dewan Sastera*. 41(11): 32-36.
- Siti Hajar Che Man. 2009. "Pengalaman Sebagai Sumber Berkarya". *Dewan Sastera*. 41(8): 12-19.
- Siti Zainon Ismail. 1994. *Alam Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. 1988. *Atar Dari Lembah Mawar*. Shah Alam: Marwilis Publisher & Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Zainon Ismail. 1991. *Bunga Putik Putih*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. 1992. *Bunga-Bunga Bulan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Siti Zainon Ismail. 1996. *Taman-Taman Kejadian*. Selangor: Galeri Melora.
- Siti Zainon Ismail. 2001. *Jurai Palma*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. 1998. *Kampung Paya Kami*. Selangor: Galeri Melora.
- Siti Zainon Ismail. 2008. *Kampung Paya Kami*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. 1997. *Kembara Seni Siti*. Selangor: Galeri Melora.
- Siti Zainon Ismail. 2005. *Piazza Di Spagna*. Selangor: Galeri Melora.
- Siti Zainon Ismail. 2000. *Nyanyian Orang Laut*. Selangor: Galeri Melora.
- Siti Zainon Ismail. 2006. *Rindu Pala Muda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. 1987. *Seri Padma*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. 2004. *Witir Sela Merapi*. Selangor: Galeri Melora.
- Siti Zainon Ismail. 2000. *Zikir Pelangi: The Rainbow*. Bangi: Galeri Melora.
- Siti Zainon Ismail. 2009. *Aceh: Suara Dari Hujung Tambak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. 2013. *Rumah Waris Uwan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Terjemahan Bahasa Melayu Al Qur'an Al Karim*. 2010. Selangor: Al Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Tumbuhan Renek Berbunga*. 2002. Selangor: Penerbitan PCT Sdn. Bhd.
- Wan Maizura dan Nor Azlina. 2008. *Khazanah Dari Hutan*. Kuala Lumpur: Nur Ilmu Publications.
- William H. Brown. 1971. *Alam Tumbuh-Tumbuhan: Sebuah Buku Teks Mengenai Kaji Tumbuhan Am*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yasmin Abdullah. 1992. Dari Yasmin... . *Bunga-Bunga Bulan*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn. Bhd.
- Yulduz Emiloglu. 1995. *Suara Batin Wanita: Satu Kajian Perbandingan di Antara Karya Penulis Wanita Melayu Dengan Karya Penulis Wanita Mahua (1957-1982)*. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Malaya.
- Zainal Rashid Ahmad. 1997. *Puteri Kembara yang Menyair. Kembara Seni Siti*. Bangi: Galeri Melora.

Zakaria Awang Soh. 1990. *Kejadian dan Keadaan Alam Semesta*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Zalilah Binti Zainudin. 2006. *Konseptual Kata Kunci: Aplikasi Terhadap Cerpen-Cerpen Karya Keris Mas*. Tesis Sarjana Sastera. Universiti Malaya.

Zurinah Hassan. 2016. *Unsur Alam Sebagai Kias Ibarat dalam Pantun Nasihat*. Wacana Pantun Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zurinah Hassan. 2001. *Penggunaan Unsur Alam Sebagai Perlambangan Dalam Puisi Melayu Moden*. Master Sastera. Universiti Putra Malaysia.

Zurinah Hassan. 2010. *Unsur Alam dalam Puisi Melayu Moden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zurinah Hassan. 2008. *Puisi Melayu Moden: Kajian Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.

Dimuat turun pada 15 Januari 2015 dari laman web:  
<http://dbp.gov.my/lamandb>

Dimuat turun pada 19 Ogos 2017 dari laman web:  
<http://ms.m.wikipedia.org>

Dimuat turun pada 19 Ogos 2017 dari laman web:  
<http://www.prpm.dbp.gov.my>